

DBKL sita 384 skuter elektrik ganggu laluan awam

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita 384 skuter elektrik diletakkan di tempat awam hingga mengganggu laluan sekitar ibu kota di sini, Rabu lalu.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, tindakan khas itu dilakukan Jabatan Penguatkuasaan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Sebanyak 384 unit skuter dikenakan tindakan sita serta-merta dan semua barangan itu dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, di sini untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

“Kami meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa demi kesejahteraan warga kota, pengunjung dan pelancong,” katanya dalam hantaran di Facebook.

Sementara itu, dalam hantaran berasingan, DBKL berkata, pihaknya mengeluarkan lima notis mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 selain lima tindakan sita turut dilakukan dalam operasi khas, Selasa lalu.

Menurutnya, tindakan itu dilakukan melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Pelesenan

dan Pembangunan Perniagaan serta Pejabat Cawangan Cheras terhadap kesalahan tiada lesen perniagaan dan penjaja warga asing di sekitar Cheras.

“Semua barangan sita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, untuk tindakan rekod dan dokumentasi. Tindakan dan pemantauan diteruskan dari masa ke semasa di lokasi tumpuan dikenal pasti,” katanya.

Kenyataan itu berkata, orang awam juga boleh berhubung atau menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aduan dipautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>.



PENGUAT kuasa DBKL menyita skuter elektrik diletakkan di tempat awam hingga mengganggu laluan sekitar ibu kota,